

PROSIDING **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang

Dengan Kerjasama



Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur

JILID 1



PELAJAR WANITA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA LEBIH RAMAI DARIPADA LELAKI: MASALAH DAN KESAN KEPADA PENGGUNAAN SUMBER TENAGA MANUSIA

MOHD SALLEH LEBAR

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Kuala Terengganu.

ABSTRAK

Senario kelebihan pelajar wanita dari pelajar lelaki di pusat pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA dan IPTS) sering diperkatakan oleh pihak masyarakat pada masa kini. Pelbagai kajian dan kelohhan daripada pihak-pihak tertentu telah dikeluarkan namun ia masih lagi berterusan dan kadang-kadang membimbangkan. Benarkah kelebihan yang berlaku disebabkan oleh dasar pihak Kementerian Pendidikan yang dari awal-awal lagi telah memilih daripada pelajar yang terbaik dan cemerlang dalam bidang akademik sahaja yang diterima masuk ke IPTA atau ada faktor-faktor lain di sebaliknya? Sebenarnya untuk menjawab persoalan ini adalah agak sukar kerana tingkah laku pelajar dan keadaan persekitaran juga mempengaruhi sikap dan minat seseorang pelajar untuk meneruskan pengajian yang lebih tinggi. Dalam hal ini fokus kita bukan sahaja ingin mengetahui sebab-sebab senario itu berlakunya tetapi juga terhadap kesan penggunaan sumber tenaga manusia.

PENDAHULUAN

Perkembangan pesat dalam bidang pendidikan di negara Malaysia menyebabkan lebih ramai pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun apa yang membimbangkan senario yang berlaku pada masa kini ialah bilangan pelajar wanita tidak kira bangsa yang menyahut cabaran dan arus perdana ini adalah lebih ramai daripada lelaki.

Pelbagai kajian dan andaian yang diulaskan oleh media massa kebelakangan ini namun kesangsiannya faktor kelebihan itu masih lagi menjadi tanda tanya. Benarkah kelebihan itu disebabkan oleh dasar Kementerian Pendidikan yang memilih atas dasar atau bersandarkan kepada pengukuran pencapaian akademik? Mungkinkah pelajar lelaki tidak berminat lagi untuk meneruskan pengajian selepas tamat tingkatan lima setelah menghabiskan sebelas tahun di sekolah? Ataupun pelajar lelaki ingin menceburkan diri dalam bidang kemahiran dengan memasuki institusi latihan yang memerlukan setahun atau dua tahun sahaja berkursus? Agak sukar untuk memberi jawapan yang tepat kerana kajian terperinci dalam masalah ini belum dibuat. Apa yang ada hanya statistik atau angka yang menunjukkan bilangan pelajar wanita adalah lebih ramai daripada lelaki di kebanyakan institusi pengajian tinggi.

Sebenarnya kekurangan pelajar lelaki masuk ke institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta (IPTA dan IPTS) boleh memberi kesan yang positif dan negatif kepada masalah sosial dan penggunaan sumber tenaga negara. Walaupun negara memerlukan pelbagai pakar peringkat tinggi untuk menjana pembangunan negara tetapi dalam masa yang sama negara memerlukan juga pelbagai keperluan tenaga mahir di peringkat separuh profesional. Peringkat inilah yang menjadi tumpuan dan buruan oleh pelajar lelaki selepas mereka tamat daripada tingkatan lima.

DEFINISI KONSEP

Secara umum terdapat tiga perkara asas dalam pembentangan kertas kerja ini, iaitu konsep institusi pengajian tinggi, masalah dan sumber tenaga. Definisi institusi pengajian tinggi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan dalam buku *Education in Malaysia* (1970) ialah pendidikan tinggi bermaksud pendidikan di peringkat universiti dan pendidikan di peringkat kolej yang menyediakan pelajar untuk kursus diploma dan ijazah sahaja. Dalam buku *Higher Education in Malaysia: A Bibliography* (1983), mentakrifkan pendidikan tinggi sebagai semua kursus pengajian selepas peringkat menengah yang membawa kepada penganugerahan ijazah, diploma atau sijil. Mohd Taib Osman dalam ucapannya yang

tersiar dalam *Berita Harian*, 9 Oktober 1994, menjelaskan bahawa pendidikan tinggi ialah universiti dan kurang daripada universiti bukan pendidikan tinggi.

Sama ada sesebuah kolej ataupun politeknik boleh atau tidak dikategorikan sebagai pusat pengajian tinggi, tidak menjadi masalah. Apa yang penting ialah mutu pengajian dan keupayaan sesebuah institusi tersebut boleh menghasilkan para lulusan yang memainkan peranan penting dalam guna tenaga manusia ke arah era pembangunan negara (Mohd Salleh Lebar, 1996). Dalam hubungan ini, masyarakat sekarang lebih suka mengklasifikasikan bahawa pelajar yang mulai belajar di peringkat diploma di mana-mana sahaja institusi dianggap pelajar dari institusi pengajian tinggi.

Masalah yang hendak dikaitkan dalam pembentangan ini ialah masalah sosial dan juga masalah negara. Masalah sosial ialah gejala sosial yang tidak sihat. Masalah ini mungkin disebabkan pengaruh persekitaran. Masalah negara dikaitkan dengan kekurangan tenaga pakar yang hendak dilahirkan bagi menjanakan ekonomi negara. Manakala konsep sumber tenaga adalah difokuskan kepada sumber tenaga manusia. Manusia adalah dianggap sumber tenaga yang amat penting dan ia bukanlah senang untuk menguruskan sumber tenaga dengan berkesan dan melahirkan sumbangan yang berkualiti.

DATA TERBARU

Senario bilangan pelajar wanita di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA dan IPTS) adalah lebih ramai daripada lelaki mungkin membimbangkan masyarakat dan kerajaan. Data terbaru berkaitan kemasukan pelajar pengambilan bagi sesi 2001/2002 di beberapa universiti menunjukkan hampir tiga perempat (3/4 peratus) adalah wanita (*Berita Harian*, 26 Mei 2001). Sementara itu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), seramai 2,928 atau 70.7 peratus daripada 4,143 pelajar barunya adalah perempuan, sekali gus memonopoli 13 daripada 14 fakulti di universiti berkenaan. Data sepenuhnya adalah seperti jadual 1.

Fakulti	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kejuruteraan	193	138	331
Ekonomi	82	227	309
Pendidikan	57	284	341
Pengajian Bahasa	17	85	102
Pengajian Islam	127	332	459
Pengurusan Perniagaan	72	314	386
Pergigian	8	38	46
Perubatan	51	86	137
Sains dan Teknologi	291	546	837
Sains Kemasyarakatan dan Kemunsiaan	86	286	372
Sains Kesihatan Bersekutu	83	263	346
Sains Pembangunan	31	66	97
Teknologi dan Sains Maklumat	97	202	299
Undang-Undang	20	61	81
Jumlah	1,215	2,928	4,143

Jadual 1: Statistik perbandingan pelajar lelaki dan perempuan UKM bagi pengambilan sesi akademik 2001/2002.

Sumber: *Berita Harian* 26 Mei 2001

Sementara itu di Universiti Utara Malaysia (UUM) seramai 3,302 atau 71.75 peratus daripada 4,602 pelajar baru ijazah pertama universiti itu sesi 2001/2002 adalah perempuan berbanding 1,300 atau 28.25 peratus lelaki. Mengikut sumber semasa (Januari 2002) dari Pejabat Pendaftar Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) juga jumlah bilangan pelajar yang ramai adalah lebih memihak kepada

wanita. Pada sesi kemasukan Mei 2000/2001 untuk pelajar bawah pengawalan KUSTEM ialah berjumlah 1972. Bilangan pelajar lelaki berjumlah 862 manakala bilangan pelajar wanita adalah berjumlah 1110.

Begitu juga di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menunjukkan pelajar perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki khususnya dalam program atau kuliah peringkat Ijazah tetapi untuk peringkat Ph.D pelajar lelaki masih dapat mengatasi wanita. Perbandingan nisbah tersebut adalah seperti jadual 2.

Peringkat	Kuliah	Lelaki	Wanita
Ph.D	Undang-Undang	3	0
	Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan	4	2
Sarjana	Ekonomi dan Sains Pengurusan	35	32
	Undang-Undang	4	13
	Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan	31	36
	Kejuruteraan	2	0
Diploma Lepas Ijazah	Pendidikan	7	27
	Undang-Undang	86	44
Ijazah	Pendidikan	71	190
	Ekonomi dan Sains Pengurusan	148	239
	Undang-Undang	193	214
	Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan	316	497
	Pendidikan	12	5
	Seni Bina dan Seni Reka Alam Sekitar	1	3
	Kejuruteraan	44	13

Jadual 2. Perbandingan Pelajar Lelaki dan Perempuan Sempena Konvokesyen UIAM ke 17.

Sumber: *Berita Harian* 20 September 2001

Senario yang sama juga berlaku di IPTS yang lain. Sebagai bukti pada majlis konvokesyen kelima Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), hampir 60 peratus pelajar yang tampil menerima diploma adalah perempuan (*Berita Harian*, 19 Ogos 2001). Walau bagaimanapun keadaan nisbah yang tidak seimbang di antara pelajar wanita dengan lelaki tidak membimbangkan di peringkat pengajian separuh profesional khususnya di politeknik-politeknik seluruh negara. Misalnya di Politeknik Haji Sultan Ahmad Shah Kuantan (POLISAS), bilangan pelajar wanita ialah seramai 2011 manakala lelaki ialah 2693 (Pejabat Hal Ehwal Pelajar, POLISAS, Januari 2002). Kelebihan pelajar lelaki ini mungkin disebabkan pelajar wanita tidak berani untuk menjalani atau membuat praktikal di bengkel atau makmal. Sebenarnya pada peringkat awal ramai juga pelajar wanita yang mengambil program kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrikal, tetapi mereka menukar program tersebut setelah tidak dapat menyesuaikan diri dengan keperluan amalan-amalan di bengkel-bengkel berkaitan.

FAKTOR PELAJAR WANITA LEBIH RAMAI DAN LELAKI BERKURANGAN

Faktor-faktor bilangan pelajar wanita lebih ramai dan bilangan pelajar lelaki semakin berkurangan adalah seperti berikut:

Penapisan

Pada masa sekarang memang tidak mengira bangsa, di mana sesiapa yang pandai dan cemerlang akan diterima masuk ke IPTA atau IPTS dengan lebih mudah dan terjamin. Oleh itu tiada masalah bagi seseorang wanita untuk menyambungkan pelajaran dalam pelbagai bidang yang diminati. Sebenarnya penapisan dan kerapian dalam memilih pelajar untuk diterima masuk ke IPTA dan juga di sekolah-sekolah asrama penuh sudah lama diamalkan di negara kita. Bermula di peringkat awal inilah bilangan pelajar wanita mengatasi bilangan pelajar lelaki dalam pelbagai aspek jurusan pengajian, lebih-lebih lagi jurusan yang mencabar. Sebagai contoh di Universiti Sains Malaysia (*Berita Harian*, 30 Jun 2001) terdapat 66 peratus pelajar perubatan adalah perempuan. Walau bagaimanapun kita tidak dapat menafikan bahawa kadar pelajar wanita yang meneruskan pengajian ke peringkat sarjana atau membuat pengkhususan sesuatu

bidang adalah berkurangan jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Kesan kepada produktiviti negara terhadap kekurangan pengguna tenaga mahir atau pakar lelaki di peringkat yang lebih tinggi mungkin terjejas kerana tenaga mahir wanita yang ada mungkin kurang cekap, tidak tahan lasak dan lambat bertindak jika keadaan terdesak. Kepandaian dan kerajinan wanita mungkin lebih daripada lelaki tetapi keberanian lelaki dalam pelbagai situasi mengatasi wanita. Lelaki mudah merentas desa tetapi wanita rasa teragak-agak dan memikirkan sesuatu risiko apabila menjalankan tugas sesuatu yang berat dan mencabar.

Minat

Faktor minat juga mendorong pelajar lelaki lebih menjuruskan kepada penglibatan dalam pelbagai kemahiran yang boleh memberi pulangan hasil yang cepat. Dengan kata lain, sebaik-baik sahaja habis alam persekolahan mereka terus berusaha untuk memasuki mana-mana institusi teknikal atau latihan yang hanya memerlukan latihan asas satu sehingga dua tahun untuk mendapat sijil. Selepas itu mereka boleh mencari kerja kerana peluang dalam bidang kemahiran teknikal atau *hands on* adalah lebih mudah dan cepat. Tidak seperti bidang akademik seperti sains sosial, pengajian Islam, ekonomi, komunikasi dan sastera yang agak terhad dari segi pasaran pekerjaan. Belajar pun lebih lama, bosan dan memerlukan daya ingatan yang kuat. Apatah lagi bidang yang lebih mencabar seperti teknologi maklumat, kedoktoran, sains kesihatan, arkitek, undang-undang dan sebagainya.

Kemiskinan latar belakang keluarga mendorong kaum lelaki lebih berminat untuk mencari sebarang pekerjaan di mana-mana sahaja. Ramai remaja lelaki tidak sanggup lagi mengharapkan wang saku daripada ibu bapa lebih-lebih lagi yang mempunyai keluarga yang besar. Bagi kaum lelaki yang meningkat remaja, mereka memerlukan perbelanjaan yang besar seperti untuk pakaian dan penggunaan kenderaan. Dengan kata lain, tanggungjawab menyara hidup sesebuah keluarga adalah terletak pada anak-anak lelaki. Oleh itu ibu bapa tidak sanggup lagi untuk menghulurkan wang ringgit setiap hari kepada anak-anak yang sudah besar. Sebaliknya mereka menyerahkan kepada anak-anak untuk menentukan kehidupan masa depan mereka. Kepada anak-anak yang mendapat keputusan yang baik di peringkat SPM atau STPM adalah merugikan kerana mereka tidak berpeluang untuk meneruskan ke peringkat yang lebih tinggi kerana tiada sokongan daripada ibu bapa. Lebih-lebih lagi berlaku kepada anak yang sulung dan terpaksa membantu ibu bapa untuk mencari rezeki setiap hari.

Begitu juga dalam bidang profesion perguruan, di mana-mana maktab pun rata-rata bilangan pelajar wanita adalah lebih ramai daripada lelaki. Lelaki yang mencebur dalam bidang ini hanyalah yang berminat sahaja atau memohon secara terpaksa setelah gagal mendapat pekerja yang lain. Memang dari segi lahiriah atau sifat-sifat kewanitaan, profesion perguruan adalah sesuai bagi seorang wanita. Namun tidak semestinya pelajar lelaki harus mendiamkan diri dan tidak merebut peluang untuk memilih guru sebagai kerjaya mereka. Yang menjadi masalah ialah apabila ramai guru wanita daripada lelaki ialah dari segi penjagaan disiplin pelajar adalah tidak terkawal. Sebagaimana yang kita tahu guru wanita adalah tidak tegas, lemah dari segi emosi dan mudah terguris hati apabila dicabar oleh pelajar lelaki di peringkat sekolah menengah. Walau bagaimanapun kita tidak menafikan bahawa sesetengah guru wanita berupaya mengawal isu-isu yang berkaitan dengan disiplin pelajar.

Pengaruh Persekitaran

Pengaruh persekitaran dan kehidupan yang moden juga mempengaruhi pelajar lelaki lebih cepat mengejar wang ringgit untuk memuaskan hidup mereka. Dengan kata lain, mereka mahukan pakaian yang berjenama, motosikal, wang untuk berpoya-poya dan berbelanja kawan-kawan yang sekumpulan. Keinginan ini makin membara apabila melihat rakan-rakan mereka yang baru sahaja tamat dari alam persekolahan sudah memiliki motosikal dan berupaya menjalani gaya hidup seperti orang dewasa. Apa yang membimbangkan gaya hidup moden yang tidak terkawal ini boleh mempengaruhi remaja lelaki terjebak dalam kancas gejala sosial yang tidak sihat seperti anasir dadah, budaya lepak dan perlumbaan haram. Kecuali mereka yang sabar dan mempunyai matlamat hidup sahaja yang dapat menangkis daripada pengaruh negatif. Sebaliknya golongan pelajar wanita sama ada yang tinggal di bandar mahu pun di luar bandar, tabiat ini belum begitu ketara. Mereka lebih suka menumpukan kepada pelajaran dan sanggup belajar lebih lama agar mereka menjadi seorang yang berguna dan memiliki pekerjaan yang berstatus yang tinggi. Dengan kata lain, mereka mempunyai cita-cita yang lebih tinggi daripada orang lelaki. Apatah lagi semasa di peringkat sekolah menengah ramai pelajar wanita yang mempunyai pencapaian dan prestasi akademik yang tinggi dan cemerlang.

Pengaruh persekitaran di peringkat awal remaja juga menyebabkan prestasi pelajar lelaki menurun. Mereka lebih gemar bergiat dalam pelbagai aktiviti di sekolah dan juga aktiviti di luar sekolah. Kadang-kadang aktiviti sosial di luar sekolah adalah lebih menarik dan banyak masa dihabiskannya. Akibatnya peluang untuk mereka berjinak-jinak dengan pelajaran adalah terbatas. Sebaliknya ramai pelajar wanita adalah lebih terdidik dan mendengar arahan dari ibu bapa agar sentiasa membaca buku atau membuat kerja sekolah. Hasil daripada perbandingan tingkah laku tersebut menyebabkan ramai pelajar wanita yang mendapat kejayaan yang lebih tinggi dan mempunyai laluan yang lebih mudah untuk masuk ke IPTA.

KESAN KEPADA PENGGUNAAN SUMBER TENAGA MANUSIA

Apa yang membimbangkan ialah kebanjiran wanita dalam pelbagai bidang pekerjaan menyebabkan penggunaan kecekapan sumber tenaga manusia di peringkat profesional adalah tidak meluas dan berpanjangan. Perkhidmatan dan sumbangan wanita adalah dijangkakan pendek kerana mereka cepat memilih untuk bersara dan amat setia kepada masalah keluarga. Jadi dari segi jangka masa yang panjang, ia adalah merugikan keberkesanan produktiviti negara. Dalam era *k-* ekonomi dan *k-worker*, negara memerlukan sumber tenaga manusia profesional yang mempunyai daya juang yang tahan lasak dan lebih lama. Negara memerlukan ramai pakar bidang perubatan, perakaunan, teknologi maklumat, undang-undang dan sebagainya. Jadi kalau wanita hanya mampu berkhidmat selama 20 tahun adalah tidak memadai pada pulangan produktiviti negara. Hal ini tidak boleh disalahkan kepada sikap wanita sahaja tetapi juga pada golongan lelaki yang kurang tampil dan sanggup belajar di peringkat pengajian yang lebih tinggi. Bagi penggunaan sumber tenaga manusia peringkat separuh profesional dan profesional dalam aspek kejuruteraan mungkin tidak menjadi masalah kerana lelaki lebih ramai menceburikan diri dalam bidang tersebut.

Jadi langkah sesuatu perlu dibuat oleh pihak kerajaan agar nisbah lebih kurang 70 wanita dan 30 lelaki di IPTA diubahsuai semula agar ia menjadi hampir seimbang. Syarat-syarat kemasukan yang ketat atau yang memerlukan pencapaian akademik yang tinggi perlu dilonggarkan sedikit, agar kaum lelaki dapat melepasi rintangan tersebut. Penulis berpendapat pertambahan pembinaan kolej universiti di Malaysia yang menjuruskan kepada jurusan teknikal dan kejuruteraan adalah kena pada masanya. Ia adalah menguntungkan negara kerana lebih ramai pelajar lelaki yang berkelulusan peringkat diploma dari politeknik akan dapat menyambung pelajaran seperti ke Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTO), Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dan lain-lain lagi. Dari sinilah pelajar lelaki dapat dilatih, diarah pelbagai kemahiran dan dibekalkan dengan pelbagai ilmu yang bertaraf profesional dan seterusnya menyumbangkan kepada produktiviti negara.

RUMUSAN

Pada pendapat penulis, kekurangan pelajar lelaki di IPTA dan IPTA pada masa kini tidaklah begitu membimbangkan. Ia juga tidak dianggap serius bagi keperluan sumber tenaga manusia dan produktiviti negara. Mungkin kelebihan remaja wanita di IPTA kini walaupun membimbangkan dan memberi kesan kepada masalah sosial tetapi pada pendapat penulis ia tidaklah dianggap serius dari segi keperluan sumber tenaga manusia. Negara-negara yang lain seperti Singapura pun golongan wanita mengatasi golongan lelaki di pusat pengajian tinggi. Dalam profesion tertentu seperti Jurutera, Arkitek dan Jurukur, golongan lelaki masih menguasai golongan wanita. Hanya bidang pendidikan sahaja yang mana golongan wanita terus unggul dan menguasainya. Walau bagaimana ia tidak memberi kesan yang begitu ketara. Bidang ini dianggap sebagai pendedahan ilmu di peringkat teori dan sedikit praktikal. Pembentukan sikap dan minat terhadap sesuatu yang positif adalah terserah kepada pelajar, keluarga dan faktor persekitaran. Jadi kalau ada pelajar lelaki yang tidak mahu meneruskan pengajian yang lebih tinggi, bukanlah salah kepada guru semata-mata.

Kita mengharapkan pelajar lelaki tidak kira apa bangsa pun perlulah memantapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu kemahiran agar menjadi sebahagian sumber tenaga manusia yang berguna dan boleh menyumbangkan kepada produktiviti negara. Adalah rugi sekiranya pelajar sama ada lelaki mahupun perempuan yang tidak berminat belajar, menghabiskan masa dengan tidak tentu hala tujuan. Ia sekali gus memberi kesan kepada penyumbangan gejala sosial yang tidak sihat. Walaupun kita mengamalkan dasar pendemokrasian pendidikan dan sistem meritokrasi dalam kaedah pemilihan pelajar ke IPTA namun kesedaran peringkat awal khasnya pada golongan lelaki adalah amat penting. Golongan lelakilah yang banyak menyumbang dan menjadi teras pembangunan negara.

Sebagai rumusannya, kalau kita mahu melihat pelajar lelaki lebih ramai daripada perempuan di IPTA, kajian terperinci dan tindakan susulan oleh Kementerian Pendidikan dan pihak lain seperti Kementerian Belia dan Sukan perlu dibuat. Sebenarnya untuk mengukur kehebatan dan pencapaian akademik pelajar lelaki adalah sukar. Walaupun mereka kurang menyerlah pada peringkat sekolah menengah tetapi kemungkinan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi keadaan akan boleh jadi berubah. Namun kesedaran ibu bapa dan masyarakat peringkat awal adalah penting. Kalau peringkat sekolah menengah pelajar lelaki sudah menunjukkan sikap yang baik, prestasi yang cemerlang dan berupaya menandingi pelajar wanita, tiada sebab pelajar lelaki akan kurang di IPTA.

RUJUKAN

Ahmad Atory Hussain (1996). *Pengurusan Sumber Dalam Oraganisasi Awam dan Swasta*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Information Malaysia 1997. (1997). Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Ministry of Education Malaysia (1970). *Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Salleh Lebar (1996). *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Robiah Sidin (1998). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Warner, D. dan Palfreyman, D. (2000). *Higher Education Management*. PA: SRHE.

TEMU BUAL

Encik Azizuddin Othman (Pegawai Hal Ehwal Pelajar, POLISAS) pada 4 Januari 2002.